	Mengalih penanda yang dipilih di kanan titik data berikutnya. Menyokong kefungsiian tekan dan tahan.
	Mengalih penanda yang dipilih ke sebelah kiri medan plot.
	Mengalih penanda yang dipilih ke sebelah kanan medan plot.

## 2-2-2. SKRIN SENTUH

Sistem Ujian Radio Digital mengandung Skrin Sentuh berintangian yang responsif terhadap sentuhan jari manusia. Sarung tangan boleh dipakai apabila menggunakan Skrin Sentuh atau alat menulis (cthnya. stilus) boleh digunakan pada Skrin Sentuh.

UI Sistem Ujian Radio Digital dinavigasi secara setempat menggunakan Skrin Sentuh Panel Depan.



## 2-2-3. KOMPONEN ANTARA MUKA PENGGUNA (UI)

### A. Bar Pelancar


---

UI Sistem Ujian Radio Digital merupakan panel kawalan skrin sentuh yang menyediakan persekitaran kerja yang fleksibel untuk semua pengguna. UI direka untuk membolehkan pengguna membuka dan menutup, menyeret dan melepaskan, dan memaksimumkan/meminimumkan komponen skrin untuk mencipta konfigurasi paparan tersuai.


Bar Pelancar adalah menu penatalan horizontal yang ditempatkan pada atas UI. Bar Pelancar menyediakan akses kepada Tab Fungsi.

Bar Pelancaran dibuka (daripada mod minimumkan) dengan mengklik pada ikon kelabu di bahagian atas skrin

**NOTA:** Jika ikon kelabu tidak kelihatan, butang "Sembunyikan Menu" di Menu Sistem telah dipilih.



Bar Pelancaran diminimumkan dengan mengklik pada bar kelabu di bahagian bawah Bar Pelancaran.




### 2-2-3. KOMPONEN ANTARA MUKA PENGGUNA (UI) (samb.)

#### B. Ikon Fungsi



Bar Pelancaran mengandungi Ikon Fungsi yang mengenal pasti fungsi yang dipasang dalam Sistem Ujian Radio Digital. Jubin yang dipaparkan dalam Menu Jantai Bawah Fungsi bergantung kepada Pilihan yang dipasang dalam Sistem Ujian Radio Digital.

Apabila Bar Pelancaran ditetapkan ke mod minimumkan (tetapan lalai), pilih ikon kelabu di bahagian atas skrin untuk memaparkan Bar Pelancaran.


**NOTA:** Jika ikon kelabu tidak kelihatan, butang "Sembunyikan Menu" di Menu Sistem telah dipilih.



Tekan Ikon Fungsi untuk memaparkan Menu Jantai Bawah bagi Fungsi ini.



Tekan bar kelabu di bahagian bawah Bar Pelancaran untuk kembali ke mod minimumkan.






### 2-2-3. KOMPONEN ANTARA MUKA PENGGUNA (UI) (samb.)

#### C. Tetingkap Fungsi


---

Tetingkap Jubin menyediakan akses visual kepada parameter operasi dan data pengukuran bagi Sistem Ujian Radio Digital.

Tetingkap Jubin dibuka dengan memilih Jubin dari Menu Juntai Bawah Fungsi.






Tetingkap Jubin ditutup dengan memilih ikon minimumkan di bawah Tetingkap Jubin.



## 2-2-3. KOMPONEN ANTARA MUKA PENGGUNA (UI) (samb.)

### C. Tetingkap Fungsi (samb.)

Tetingkap Fungsi boleh dipaparkan di dalam berbilang bentuk (apabila berkenaan) Tekan ikon Pandangan untuk menukar bentuk Tetapan Fungsi.



Apabila Tetingkap Fungsi dimaksimumkan. Tetingkap Fungsi memenuhi kawasan paparan penuh dan menyediakan akses kepada parameter fungsi yang mungkin tidak kelihatan di dalam pandangan lain.


Tetingkap Fungsi boleh dialihkan di mana sahaja pada kawasan paparan (kecuali pandangan Skrin Penuh). Untuk mengalih Tetingkap Fungsi, sentuh atau klik pada blok tajuk Tetingkap Fungsi atau latar belakang dan heret tetingkap ke lokasi baru pada kawasan paparan.

Tetingkap Fungsi boleh diminimumkan kepada Bar Pelancar di mana fungsi kekal aktif tetapi tidak boleh dilihat di dalam kawasan paparan.

### 2-2-3. KOMPONEN ANTARA MUKA PENGGUNA (UI) (samb.)



#### C. Tetingkap Fungsi (samb.)

Tetingkap Fungsi Berbilang boleh dipaparkan pada kawasan paparan pada satu satu masa.



Apabila Tetingkap Jubin yang aktif ditutup dan dibuka semula, Sistem Ujian Radio Digital meletakkan Tetingkap Jubin dalam keadaan dan kedudukan aktif yang terakhir pada skrin.

Apabila berbilang tetingkap Fungsi sedang aktif pada skrin, tetingkap Fungsi boleh ditukar ke depan dan ke belakang.




### 2-2-3. KOMPONEN ANTARA MUKA PENGGUNA (UI) (samb.)

#### D. Parameter Pentakrif

##### Pad Kekunci Angka

Apabila Medan Data Angka diedit, Pad Kekunci Angka akan dipaparkan. Pad Kekunci Angka membenarkan pengguna untuk memasukkan nilai angka tertentu. Nilai akan dimasukkan dengan menekan nombor pada pad kekunci. Nilai itu kemudiannya didayakan dengan menekan unit ukuran atau Butang Masuk pada Pad Kekunci Angka. Tekan Batal untuk mengosongkan sebaran pertukaran yang tidak dimasukkan dan tutup Tetingkap Entri Angka. Menekan Batal tidak memulihkan nilai yang ditukar yang telah pun didayakan (dimasukkan). Tekan Kosongkan untuk set semula nilai angka kepada sifar. Untuk mengeset semula nilai yang tidak dimasukkan kepada nilai tertakrif terdahulu, tekan Batal. Tekan Undur ruang untuk memadamkan nombor terakhir (ke kanan) di dalam nilai angka.




### 2-2-3. KOMPONEN ANTARA MUKA PENGGUNA (UI) (samb.)

#### D. Parameter Pentakrif (samb.)

##### Bar Gelangsar

Bar Gelangsar membenarkan pengguna untuk memilih dan menukar julat nilai tertakrif. Nilai yang perlu ditukar akan ditunjukkan oleh kotak pembatasan (kotak dengan latar belakang putih). Kedudukan kotak pembatasan dikawal menggunakan kekunci /10 x10 untuk melaraskan seting kejituan. Setelah julat digit dipilih nilai itu ditambah atau dikurangkan menggunakan Bar Gelangsar atau anak panah Atas dan Bawah. Anak panah Atas (bertambah) dan Bawah (berkurang) digunakan untuk melaraskan nilai terakhir yang dipilih di dalam kotak pembatasan. Nilai adalah aktif pada masa nilai tersebut diedit (edit 'langsung'). Tekan Batal untuk mengosongkan pertukaran yang tidak dimasukkan dan tutup Bar Gelangsar. Menekan Batal tidak akan memulihkan nilai yang ditukar yang sudah didayakan (dimasukkan). Tekan Butang Masuk atau Batal untuk menutup Bar Penggelangsar.



### 2-2-3. KOMPONEN ANTARA MUKA PENGGUNA (UI) (samb.)

#### D. Parameter Pentakrif (samb.)

---

##### **Kekunci Anak Panah**

Kekunci Anak Panah membolehkan pengguna mengedit nilai angka. Nilai yang dipilih diubah dengan menggunakan anak panah kiri/kanan atau dengan menggunakan anak panah atas/bawah.



Selepas nilai angka diubah, tekan butang MASUK (butang bulat tengah).

Pad Kekunci Angka secara automatik ditutup semasa menggunakan Kekunci Anak Panah.

### 2-2-3. KOMPONEN ANTARA MUKA PENGGUNA (UI) (samb.)

#### D. Parameter Pentakrif (samb.)


---

##### Papan Kekunci

Papan kekunci dipaparkan apabila Medan Data Teks telah dipilih untuk mengedit. Papan Kekunci berfungsi serupa seperti papan kekunci luaran.

Papan kekunci membolehkan pengguna untuk memasukkan kandungan abjad-angka.

Data didayakan dengan menekan Kekunci Masuk.




## 2-2-3. KOMPONEN ANTARA MUKA PENGGUNA (UI) (samb.)

### E. Menu Terturun


---

#### Ikon Fungsi

Menu Terturun digunakan untuk memilih pemboolehubah pratakrif. Jika menu Terturun terbuka diperkecilkan dari UI ia boleh digerakkan ke atas dan ke bawah pada UI untuk mengakses kandungan.



Jika Menu Juntai Bawah mengandungi ikon Fungsi yang diperluaskan, anak panah kelabu muncul di sebelah kanan ikon. Pilih ikon Fungsi untuk memaparkan ikon Fungsi yang diperluaskan.






## 2-2-3. KOMPONEN ANTARA MUKA PENGGUNA (UI) (samb.)

### E. Menu Terturun (samb.)

---

#### Pemilihan Medan

Menu Juntai Bawah digunakan untuk memilih pilihan Medan yang telah dipratetapkan. Jika Menu Juntai Bawah yang dibuka menjangkau ke luar UI, Menu Juntai Bawah boleh digerakkan ke atas atau ke bawah pada UI untuk mengakses pilihan Medan Menu Juntai Bawah.




## 2-2-3. KOMPONEN ANTARA MUKA PENGGUNA (UI) (samb.)

### F. Tetingkap Mesej

---

#### Interaksi Operator


Tetingkap mesej dipaparkan dengan maklumat atau untuk meminta interaksi pengguna.



#### Medan Berkunci


Medan yang boleh diedit dikemaskinikan kepada keadaan Terkunci apabila Sistem Ujian Radio Digital mengalami keadaan yang menjadikan medan tidak dapat diedit.

Medan berkunci tidak boleh diedit sehingga keadaan halang masuk terlerai.



## 2-2-4. MENU SISTEM

Menu Sistem mengandungi pilihan medan untuk operasi keseluruhan bagi Sistem Ujian Radio Digital. Tekan Kekunci UTAMA untuk memaparkan Menu Sistem.



MEDAN	PENERANGAN
Konfigurasi	Memilih sistem berbeza.
Kelantangan Audio	Kawalan kelantangan untuk pembesar suara dan fon kepala.
Pembesar suara	Menetapkan pembesar suara ke DIHIDUPKAN atau DIMATIKAN.
Squelch (Bunyi Lecak-lecuk) Audio	Melaraskan tahap Squelch Audio.
Nilai Squelch (Bunyi Lecak-lecuk)	Memilih paparan tahap Squelch Audio.
Lengahan Masa Rehat Menu	Melaraskan bagi tamat masa pada Bar Pelancaran untuk membolehkan Menu kekal dipaparkan.
Cahaya belakang	Melaraskan kecerahan Cahaya Belakang.
Set semula Sistem	Set semula Sistem Ujian Radio Digital kepada seting kilang.
Gantung	Pilih untuk meletakkan Sistem Ujian Radio Digital dalam Mod Tergantung (Tidur).
Sembunyikan Menu	Bar Pelancaran tidak dipaparkan di atas Skrin Sentuh.
Sembunyi Ikon	Ikon tidak dipaparkan di bahagian bawah Skrin Sentuh.

## 2-2-5. MOD TERGANTUNG (TIDUR)

Sistem Ujian Radio Digital boleh diletakkan dalam mod “tergantung (tidur)” yang mengurangkan penggunaan bateri dan meningkatkan jumlah masa yang Unit dapat beroperasi menggunakan kuasa bateri.


Ikuti arahan yang berikut untuk meletakkan Sistem Ujian Radio Digital dalam mod “tergantung (tidur)”:

1. Dengan Unit berjalan dalam mod “aktif (berjaga)” (penunjuk SYS berwarna Putih), tekan Kekunci HOME untuk memaparkan Menu Sistem.



Penunjuk SIS

Kunci LAMAN UTAMA




### 2-2-5. MOD TERGANTUNG (TIDUR) (samb.)


2. Tekan Butang Gantung pada Menu Sistem untuk meletakkan Sistem Ujian Radio Digital dalam mod "tergantung (tidur)".

Paparan Skrin Sentuh adalah kosong dan perkakasan dalaman sistem RF telah diMATIKAN.

**NOTA:** Perkakasan sistem Digital mengekalkan status aktif dan tiada maklumat atau seting skrin yang hilang dengan mod "tergantung (tidur)".



3. Apabila Unit dalam mod "tergantung (tidur)", tekan sekali pada Kekunci HOME untuk memaparkan waktu semasa dan baki hayat bateri yang tinggal. Tekan Kekunci HOME untuk kali kedua bagi memulihkan sistem kepada mod "aktif (berjaga)".





## 2-2-6. SOKONGAN BERBILANG BAHASA

Sistem Ujian Radio Digital boleh dikonfigurasi untuk memaparkan jubin, tab dan tettingkap fungsi dalam beberapa bahasa yang berlainan. Bahasa yang tersedia ialah:

العربية  
简体中文  
繁体中文  
English  
Français  
Deutsch  
日本語  
한국의  
Melayu  
Polski  
Português  
русский  
Español  
Italiano


Untuk menukar Unit kepada bahasa yang lain, pilih tab fungsi Utiliti. Pilih item jantai bawah Bahasa untuk memaparkan Ikon Diperluaskan Bahasa. Pilih tab bahasa yang diinginkan.




(Fungsi Pilihan ditunjukkan bagi tujuan paparan sahaja.)

## 2-2-6. SOKONGAN BERBILANG BAHASA (samb.)


### CONTOH




Bahasa Inggeris



Bahasa Melayu



Bahasa Inggeris



Bahasa Melayu

## **2-3. PEMERIKSAAN PENYELENGGARAAN PERCEGAHAN DAN SERVIS**

### **2-3-1. AM**

Apabila melakukan sebarang Penyelenggaraan Pencegahan atau semakan rutin, perlu diingat AMARAN dan PERINGATAN mengenai kejutan elektrik dan kecederaan badan.

### **2-3-2. PROSEDUR PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN**

#### **A. Alat, Bahan dan Peralatan yang Diperlukan**

---

Tiada alat atau peralatan yang diperlukan untuk operator penyelenggaraan pencegahan. Bahan pencuci yang diperlukan adalah kain bebas lin dan pencuci cecair ringan.

#### **B. Semakan Rutin**

---

Penyelenggaraan Pencegahan adalah terhad kepada semakan rutin seperti yang ditunjukkan di bawah:

- Mencuci
- Membersihkan Habuk
- Mengelap
- Memeriksa dawai yang haus
- Menyimpan item yang tidak digunakan
- Membalut bekas sampah yang tidak digunakan
- Memeriksa nat, bolt atau skru yang longgar

#### **C. Jadual Pemeriksaan**

---

Lakukan semakan rutin bila-bila diperlukan.



## 2-4. OPERASI DI BAWAH KEADAAN BIASA

### 2-4-1. PROSEDUR MENGHIDUPKAN


Ikuti arahan yang berikut untuk memulakan Sistem Ujian Radio Digital:

1. Tekan Kekunci KUASA untuk memulakan Unit dan mengesahkan Penunjuk SYS bercahaya.



2. Skrin Pembukaan dipaparkan. Operator boleh memilih skrin yang dikehendaki sekarang.

**NOTA:** Unit memaparkan skrin terakhir yang diakses apabila kuasa Unit dimatikan.




## 2-4-2. MEMASANG/MEMBUANG LESEN

Lesen boleh dipasang atau dikeluarkan daripada Sistem Ujian Radio Digital. Tetingkap Fungsi Pilihan memaparkan Pilihan yang dipasang pada Unit yang berkaitan dengan Lesen.

### Memasang Lesen

Ikut arahan berikut untuk memasang Lesen ke dalam Unit:

1. Pilih Ikon Fungsi Utiliti untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Utiliti. Pilih ikon Perisian untuk memaparkan ikon Perisian yang diperluaskan. Pilih ikon Pilihan untuk memaparkan Tetingkap Jubin Pilihan.




(Fungsi Pilihan ditunjukkan bagi tujuan paparan sahaja.)

## 2-4-2. MEMASANG/MEMBUANG LESEN (samb.)

### Memasang Lesen (samb.)

2. Tentulah Unit yang memaparkan Nombor Siri. Jika medan Nombor Siri kosong, hubungi Khidmat Pelanggan Viavi. Prosedur ini hanya boleh dilengkapkan apabila Nombor Siri dipasang di dalam Unit.





3. Nyahzip fail Lesen ke PC kemudian salin fail Lesen (options.new) ke direktori berikut pada Pemacu Kilat USB: Viavi\License.
4. Pasangkan Pemacu Kilat USB di dalam Penyambung USB dan tunggu sehingga Unit mengecam Pemacu Kilat (lebih kurang 15 saat).
5. Apabila proses menyalin selesai, Medan Status memaparkan "Penyalinan dari USB Sudah Selesai."
6. Pilih Butang Memasang Lesen. Apabila pemasangan fail Lesen lengkap Fail Status akan memaparkan "Memasang Lesen Selesai."
7. Unit menggesa untuk mengitar kuasa.

## 2-4-2. MEMASANG/MEMBUANG LESEN (samb.)

### Membuang Lesen

Ikut arahan berikut untuk membuang Lesen daripada Unit:

1. Pilih Ikon Fungsi Utiliti untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Utiliti. Pilih ikon Perisian untuk memaparkan ikon Perisian yang diperluaskan. Pilih ikon Pilihan untuk memaparkan Tetingkap Jubin Pilihan.




*(Fungsi Pilihan ditunjukkan bagi tujuan paparan sahaja.)*

## 2-4-2. MEMASANG/MEMBUANG LESEN (samb.)

### Membuang Lesen (samb.)

2. Pilih tombol Memadam Lesen. Gesaan berikut dipaparkan:



3. Masukkan kata laluan dan pilih Butang OK untuk membuang Lesen. Pilih Butang Batal untuk membatalkan pembuangan Lesen.


### 2-4-3. MEMASANG PERISIAN

Perisian Sistem boleh dipasang dalam Sistem Ujian Radio Digital. Tetingkap Fungsi Kemas Kini Sistem memaparkan versi Perisian Sistem yang dipasang pada Unit.

**NOTA:** Apabila memuatkan Perisian ke dalam Unit, Nilai Penentukuran tidak terjejas.

Ikut arahan berikut untuk memasang Perisian Sistem ke dalam Unit:


1. Pilih Ikon Fungsi Utiliti untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Utiliti. Pilih ikon Perisian untuk memaparkan ikon Perisian yang diperluaskan. Pilih Ikon Kemas kini untuk memaparkan Tetingkap Jubin Kemas kini.



2. Menggunakan PC, layari laman web berikut: [Viavi.com/8800](http://Viavi.com/8800). Muat turun fail zip yang mengandungi Perisian Sistem ke PC.
3. Selepas memadam semua fail dari Pemacu Kilat USB, nyahzip fail Perisian Sistem ke direktori akar Pemacu Kilat USB.
4. Sahkan folder "Viavi" dicipta dalam direktori akar Pemacu Kilat USB dan fail rpm sistem terletak di bawah direktori "Viavi/Common" di Pemacu Kilat USB.
5. Masukkan Pemacu Kilat USB ke dalam Penyambung USB dan tunggu Unit mengecam Pemacu Kilat USB (kira-kira 15 saat).


### 2-4-3. MEMASANG PERISIAN (samb.)

6. Pilih Butang Salin daripada USB dan tentulah Medan Status memaparkan "Perisian Penyalinan" kemudian "Senarai Pemulihan" Item yang dipaparkan pada Senarai RPM.



7. Apabila Medan Status memaparkan "Fail sedia untuk dipasang" pilih Butang Memasang Perisian. Pilih Butang OK untuk teruskan. Tekan Butang Batal untuk henti paksa Muatan Perisian.
8. Apabila muat Perisian selesai, Unit tersebut menyebabkan kitaran kuasa.

**NOTA:** Bar Kemajuan dipaparkan bagi menunjukkan kemajuan pemasangan




9. Kitar kuasa dan ulangi Langkah 6 hingga 8 sehingga semua item dipaparkan telah dipasang di dalam Unit.

## 2-4-4. SIMPAN/RECALL TETINGKAP FUNGSI

### Simpan Tetingkap Fungsi

Ikut arahan berikut untuk menyimpan Tetingkap Fungsi di dalam Unit:

1. Pilih Tab Fungsi Utiliti untuk memaparkan pemilihan Senarai Ringkas Utiliti. Piih "Simpan/Recall" untuk memaparkan Tetingkap Fungsi Simpan/Recall.




2. Pilih medan Nama Fail, gunakan Papan Kekunci untuk memilih nama fail dan tekan Masuk.
3. Pilih butang Simpan.

**NOTA:** Sehingga 100 persediaan boleh disimpan.

### Recall Tetingkap Fungsi

Ikut arahan berikut untuk menyimpan Tetingkap Fungsi di dalam Unit:

1. Pilih Tab Fungsi Utiliti untuk memaparkan pemilihan Senarai Ringkas Utiliti. Piih "Simpan/Recall" untuk memaparkan Tetingkap Fungsi Simpan/Recall.




2. Serlahkan nama fail dalam senarai yang dipaparkan dan pilih Butang Panggil Balik.



## 2-4-5. SYOT KILAT


Pilih Ikon Syot kilat untuk memaparkan Tetingkap Fungsi Syot kilat.



*(Nama Fail ditunjukkan untuk tujuan paparan sahaja.)*

### Simpan Syot kilat

Pilih butang Simpan untuk menyimpan Syot kilat dengan nama fail yang ditunjukkan dalam medan Fail.




*(Nama Fail ditunjukkan untuk tujuan paparan sahaja.)*

Tekan butang OK untuk menyimpan nama fail.

## 2-4-5. SYOT KILAT (samb.)

### Cipta Folder Baru

Untuk menciptakan folder baru, pilih tombol Folder Baru.




*(Nama Fail ditunjukkan untuk tujuan paparan sahaja.)*

Pilih medan Nama Folder Baru dan gunakan Papan Kekunci untuk memilih nama folder. Tekan butang OK untuk menyimpan nama folder.

### Cipta Fail Baru

Untuk mencipta nama fail baharu, pilih medan Nama Fail, gunakan Papan Kekunci untuk memilih nama fail dan tekan Masuk.




*(Nama Fail ditunjukkan untuk tujuan paparan sahaja.)*

Pilih butang Simpan dan tekan butang OK untuk menyimpan nama fail.

## 2-4-5. SYOT KILAT (samb.)

### Padam Fail

Untuk memadam fail, gunakan butang Padam.






*(Nama Fail ditunjukkan untuk tujuan paparan sahaja.)*

Pilih fail yang akan dipadamkan (nama fail dipaparkan dalam medan Fail). Tekan butang Padam untuk memaparkan Tetingkap Pengesahan Pemadaman. Tekan butang Padam untuk memadam fail atau butang Batal untuk membatalkan tindakan Padam.

## 2-4-6. UNIT KLON

Ikut arahan berikut untuk mengklon Unit:

1. Sambungkan Unit kepada Rangkaian.
2. Pilih Ikon Fungsi Utiliti untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Utiliti. Pilih ikon Perisian untuk memaparkan ikon Perisian yang diperluaskan. Pilih "Sistem" untuk memaparkan Tetingkap Jubin Sistem. Pilih ikon Klon Saya.



3. Masukkan alamat IP Unit Dasar ke dalam Medan IP Unit.
4. Masukkan alamat IP Unit Sasaran ke dalam Medan IP Sasaran.
5. Pilih Kosongkan Seting Skrin dan Butang Salin untuk mengosongkan semua skrin yang disimpan di dalam Unit Sasaran dan salin skrin yang disimpan daripada Unit Dasar kepada Unit Sasaran.
6. Pilih Butang Salin Seting Skrin untuk menyalin skrin yang disimpan daripada Unit Dasar kepada Unit Sasaran.
7. Pilih Kosongkan Skrip dan Butang Salin untuk mengosongkan semua Skrip di dalam Unit Sasaran dan salin Skrip daripada Unit Dasar kepada Unit Sasaran.
8. Pilih Butang Salin Skrip untuk menyalin Skrip daripada Unit Dasar kepada Unit Sasaran.

## 2-4-7. MULTIMETER DIGITAL (DMM)

DMM (Multimeter Digital) memaparkan keputusan ukuran rintangan, arus AC, arus DC dan voltan. Parameter tambahan tersedia di Tetingkap Konfigurasi.

### Mod Ukuran DMM

- Volt AC/DC** Apabila Mod Volt AC atau Volt DC dipilih, Meter DMM berfungsi sebagai Meter Voltan dan memaparkan ukuran voltan dalam litar yang sedang diuji.
- AMP AC/DC** Apabila Mod AMP AC atau AMP DC dipilih, Meter DMM berfungsi sebagai Meter Ampere (AMP) dan memaparkan ukuran arus elektrik dalam litar yang sedang diuji.
- Ohm** Apabila Mod Ohm dipilih, DMM berfungsi sebagai Meter Rintangan (Ohm) dan memaparkan ukuran rintangan yang terdapat dalam litar yang sedang diuji.

### Tetingkap Konfigurasi DMM

Tetingkap Konfigurasi DMM mengandungi parameter untuk mendefinisikan ukuran DMM.



MEDAN	PENERANGAN
Bacaan	Memaparkan ukuran meter. Jenis ukuran yang dipaparkan (Langsung, Purata, Maksimum atau Minimum) dipilih daripada Menu Jantai Bawah Jenis Bacaan.
Julat	Mendefinisikan skala menegak bagi graf bar meter. Julat dan unit ukuran berbeza-beza mengikut Mod yang dipilih.
Jenis	Pilih jenis bacaan yang dipaparkan dalam medan Bacaan.
Purata	Mendefinisikan bilangan jejak isyarat yang digunakan untuk mengira ukuran purata.
Pegangan Puncak	Mengeset ukuran puncak dan purata.
Kosongkan Pegangan Puncak	Mengosongkan ukuran puncak dan purata.
Nilai Pegangan Puncak	Memaparkan ukuran Pegangan Puncak.
Dayakan (Hidup/Mati)	Mendayakan atau menyahdayakan ukuran DMM.

## 2-4-8. MOD KONFIGURASI

Sistem Ujian Radio Digital menawarkan tiga mod konfigurasi bergantung kepada pilihan yang dibeli dengan sistem. Mod ini termasuklah:

- LMR
- Digital Termaju
- PTC

### Konfigurasi LMR

Konfigurasi LMR merupakan mod standard dan menawarkan akses kepada ujian analog, digital, Ujian Automatik dan ujian sapuan kabel/antena. Ujian analog merangkumi CW, AM, FM, DTMF, DCS, Jujukan Dua Nada, Nada Jauh dan Jujukan Nada. Ujian digital merangkumi P25 Fasa 1, DMR, NXDN, dPMR, ARIB-T98 dan PDR-C.

### Konfigurasi Digital Termaju


Konfigurasi Digital Termaju menyediakan akses kepada mod ujian digital termaju. Mod ini termasuklah: P25 Fasa 2 (HCPM dan HDQPSK) dan Pengulang DMR (Segerak). Untuk ciri yang ringkas, konfigurasi Digital Termaju juga mengandungi parameter ujian P25 Fasa 1 dan DMR, yang membolehkan pengguna menyediakan ujian P25 (Fasa 1 dan Fasa 2) dan ujian DMR (mudah alih dan pengulang) yang lengkap dari satu lokasi.

### Konfigurasi PTC

Ujian PTC (Positive Train Control) terletak di bawah konfigurasi PTC.

### Mengesahkan Konfigurasi


Tekan Kekunci Home untuk memaparkan Menu Sistem. Medan Konfigurasi memaparkan mod konfigurasi semasa bagi Unit.



## 2-4-8. MOD KONFIGURASI (samb.)

### Memilih Mod Konfigurasi

Tekan Kekunci Home untuk memaparkan Menu Sistem. Pilih medan Konfigurasi untuk memaparkan pilihan menu bagi mod konfigurasi (LMR, PTC atau Digital Termaju, TETRA). Pilih medan Konfigurasi yang diinginkan untuk menukar mod konfigurasi Unit.



## **2-4-9. MOD RUJUKAN ASAS MASA**

Sistem Ujian Radio Digital menawarkan pilihan mod rujukan asas masa yang berlainan bergantung kepada nombor model asas bagi sistem: 8800, 8800S atau 8800SX. Pilihan mod ini termasuklah:

Rujukan Dalaman

Rujukan Luaran

Fleks Frekuensi (Freq Flex)

### **Definisi**

Pilihan rujukan "Dalaman" merujuk kepada asas masa dalaman standard dalam Sistem Ujian Radio Digital. Rujukan "Luaran" merujuk kepada asas masa luaran yang bersambung kepada Penyambung MASUK 10 MHz (8800SX sahaja). Rujukan Freq Flex membolehkan pengguna menentukur Sistem Ujian Radio Digital kepada rujukan frekuensi luaran yang bersih dan menyimpan rujukan penentukuran itu dalam Unit.

### **8800 / 8800S**

8800 / 8800S menawarkan pilihan rujukan Dalaman dan Freq Flex.

### **8800SX**

8800SX menawarkan pilihan rujukan Dalaman, rujukan Luaran dan Freq Flex.

### **Memilih Mod Rujukan (8800SX)**


Hubungi Jabatan Khidmat Pelanggan Viavi.



## 2-5. PERSEDIAAN ASAS

### 2-5-1. DEMOD ANALOG

1. Pilih ikon Penjana untuk memaparkan Menu Jantai Bawah Penjana. Pilih ikon Fungsi Penjana untuk memaparkan Tetingkap Jubin Penjana.
2. Pilih ikon Penerima untuk memaparkan Menu Jantai Bawah Penerima. Pilih ikon Fungsi Penerima untuk memaparkan Tetingkap Jubin Penerima.
3. Pilih ikon Penjana untuk memaparkan Menu Jantai Bawah Penjana. Pilih ikon Fungsi Modulasi untuk memaparkan Tetingkap Jubin Modulasi.
4. Pilih ikon Penerima untuk memaparkan Menu Jantai Bawah Penerima. Pilih ikon Fungsi Analog untuk memaparkan Tetingkap Jubin Demod Analog.
5. Pilih ikon Penganalisis untuk memaparkan Menu Jantai Bawah Penganalisis. Pilih ikon Fungsi Osiloskop untuk memaparkan Tetingkap Jubin Osiloskop.
6. Pilih ikon Konfig untuk memaparkan Menu Jantai Bawah Konfig. Pilih ikon Fungsi Audio untuk memaparkan Tetingkap Jubin Konfig Audio.
7. Tetingkap Jubin Osiloskop dan Tetingkap Jubin Konfig Audio boleh dialihkan berselang-seli ke bahagian hadapan skrin menggunakan ikon tukar.




## 2-5-2. SINAD ANALOG

1. Pilih ikon Penjana untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penjana. Pilih ikon Fungsi Penjana untuk memaparkan Tetingkap Jubin Penjana.
2. Pilih ikon Penerima untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penerima. Pilih ikon Fungsi Penerima untuk memaparkan Tetingkap Jubin Penerima.
3. Pilih ikon Penjana untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penjana. Pilih ikon Fungsi Modulasi untuk memaparkan Tetingkap Jubin Modulasi.
4. Pilih ikon Lihat untuk mengembangkan Tetingkap Jubin Modulasi.
5. Pilih ikon Penerima untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penerima. Pilih ikon Fungsi Analog untuk memaparkan Tetingkap Jubin Demod Analog.
6. Pilih ikon Penganalisis untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penganalisis. Pilih ikon Fungsi Osiloskop untuk memaparkan Tetingkap Jubin Osiloskop.
7. Tetingkap Jubin Osiloskop dan Tetingkap Jubin Demod Analog boleh dialihkan berselang-seli ke bahagian hadapan skrin menggunakan ikon tukar.
8. Pilih ikon Konfig untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Konfig. Pilih ikon Fungsi Audio untuk memaparkan Tetingkap Jubin Konfig Audio.



### 2-5-3. DMR DIGITAL


1. Pilih ikon Penjana untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penjana. Pilih ikon Fungsi Penjana untuk memaparkan Tetingkap Jubin Penjana.
2. Pilih ikon Penerima untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penerima. Pilih ikon Fungsi Penerima untuk memaparkan Tetingkap Jubin Penerima.
3. Pilih ikon Penjana untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penjana. Pilih ikon Fungsi Modulasi untuk memaparkan Tetingkap Jubin Modulasi.
4. Pilih ikon Penerima untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penerima. Pilih ikon Fungsi Digital untuk memaparkan Tetingkap Jubin Demod Digital.
5. Pilih ikon Penganalisis untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penganalisis. Pilih ikon Fungsi Plot Digital untuk memaparkan Tetingkap Jubin Plot Digital.
6. Pilih ikon Penganalisis untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penganalisis. Pilih ikon Fungsi Profil Kuasa untuk memaparkan Tetingkap Jubin Profil Kuasa.
7. Tetingkap Jubin Plot Digital dan Tetingkap Jubin Profil Kuasa boleh dialihkan berselang-seli ke bahagian hadapan skrin menggunakan ikon tukar.



## 2-6. PERSEDIAAN KONFIGURASI DIGITAL TERMAJU


### 2-6-1. P25 FASA 2

1. Pilih ikon Penjana untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penjana. Pilih Ikon Fungsi Penjana untuk memaparkan Tetingkap Jubin Penjana.
2. Pilih ikon Penjana untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penjana. Pilih ikon Fungsi Modulasi untuk memaparkan Tetingkap Jubin Modulasi.
3. Pilih ikon Penerima untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penerima. Pilih Ikon Fungsi Penerima untuk memaparkan Tetingkap Jubin Penerima.
4. Pilih ikon Penerima untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penerima. Pilih Ikon Fungsi Digital untuk memaparkan Tetingkap Jubin Digital Demod.
5. Pilih ikon Penganalisis untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penganalisis. Pilih Ikon Fungsi Plot Digital untuk memaparkan Tetingkap Jubin Plot Digital.




## 2-6-2. PENGULANG DMR

1. Pilih ikon Penjana untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penjana. Pilih Ikon Fungsi Penjana untuk memaparkan Tetingkap Jubin Penjana.
2. Pilih ikon Penjana untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penjana. Pilih ikon Fungsi Modulasi untuk memaparkan Tetingkap Jubin Modulasi.
3. Pilih ikon Penerima untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penerima. Pilih Ikon Fungsi Penerima untuk memaparkan Tetingkap Jubin Penerima.
4. Pilih ikon Penerima untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penerima. Pilih Ikon Fungsi Digital untuk memaparkan Tetingkap Jubin Digital Demod.
5. Pilih ikon Penganalisis untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penganalisis. Pilih Ikon Fungsi Plot Digital untuk memaparkan Tetingkap Jubin Plot Digital.



## 2-7. PERSEDIAAN KONFIGURASI TETRA

1. Pilih ikon Penjana untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penjana. Pilih Ikon Fungsi Penjana untuk memaparkan Tetingkap Jubin Penjana.
2. Pilih ikon Penjana untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penjana. Pilih ikon Fungsi Modulasi untuk memaparkan Tetingkap Jubin Modulasi.
3. Pilih ikon Penerima untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penerima. Pilih Ikon Fungsi Penerima untuk memaparkan Tetingkap Jubin Penerima.
4. Pilih ikon Penerima untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penerima. Pilih Ikon Fungsi Digital untuk memaparkan Tetingkap Jubin Digital Demod.
5. Pilih ikon Penganalisis untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Penganalisis. Pilih ikon Fungsi Konstelasi untuk memaparkan Tetingkap Jubin Konstelasi.



HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG.

## **BAB 3 - PENYELENGGARAAN**

### **3-1. PENYELENGGARAAN AWAL DAN PELARASAN PERALATAN**

Letakkan Sistem Ujian Radio Digital pada bangku kerja atau meja dan laksanakan Prosedur Hidupkan (para 2-4-1).

#### **LANGKAH BERJAGA-JAGA BATERI**

Sistem Ujian Radio Digital dikuasakan oleh pek bateri Ion Litium dalaman. Sistem Ujian Radio Digital dibekali dengan Bekalan Kuasa DC Luaran yang membolehkan operator mengecas semula bateri menggunakan kuasa AC. Unit boleh beroperasi secara berterusan menggunakan kuasa AC melalui Bekalan Kuasa DC Luaran, untuk servis dan/atau ujian meja.

Bateri dalaman berupaya untuk membekalkan kuasa kepada Unit selama 2.5 jam penggunaan berterusan, dan selepas itu bateri Unit perlu dicas semula. Apabila Penunjuk BAT berwarna HIJAU, bateri berada pada 100% cas penuh. Apabila Penunjuk BAT berwarna AMBAR, bateri sedang dicas.

Jika paras bateri yang ditunjukkan dalam Ikon BAT adalah  $\leq 5\%$ , mesej amaran "Bateri Lemah" dipaparkan.

Pengecas bateri beroperasi apabila Bekalan Kuasa DC Luaran yang dibekalkan atau sumber Kuasa DC yang bersesuaian (11 hingga 24 Vdc) dipasang pada Unit. Apabila mengecas, bateri mencapai cas 100% dalam masa lebih kurang empat jam. Pengecas bateri dalaman membolehkan bateri mengecas antara julat suhu 0° hingga 45°C. Berikan masa selama 20 minit untuk bateri mula mengecas apabila MENGHIDUPKAN Unit daripada keadaan bateri yang mati.



Bateri hendaklah dicas setiap tiga bulan (minimum) atau diputuskan sambungan untuk tempoh storan tidak aktif jangka panjang yang melebihi enam bulan. Bateri hendaklah ditanggalkan apabila keadaan sekitar Unit adalah  $< -20^{\circ}\text{C}$  dan  $> 60^{\circ}\text{C}$ .




### 3-2. UJIAN KENDIRI

Sistem Ujian Radio Digital dilengkapi dengan Ujian Kendiri untuk penilaian prestasi yang pantas. Keputusan ujian ditunjukkan bersebelahan dengan ujian di Pembilang Lulus/Gagal.

1. Pilih ikon Utiliti untuk memaparkan Menu Juntai Bawah Utiliti. Pilih ikon Fungsi Ujian Kendiri untuk memaparkan Tetingkap Jubin Ujian Kendiri.



2. Pilih butang Jalankan untuk memulakan Ujian Kendiri.



### 3-3. PROSEDUR PENYELENGGARAAN

#### 3-3-1. PENGECASAN SEMULA BATERI

Pengecas baterai beroperasi apabila Bekalan Kuasa DC Luaran yang dibekalkan atau sumber Kuasa DC yang bersesuaian (11 hingga 24 Vdc) dipasang pada Unit. Apabila mengecas, bateri mencapai cas 100% dalam masa lebih kurang empat jam. Pengecas bateri dalaman membolehkan bateri mengecas antara julat suhu 0° hingga 45°C. Berikan masa selama 20 minit untuk bateri mula mengecas apabila MENGHIDUPKAN Unit daripada keadaan bateri yang mati.


Bateri hendaklah dicas setiap tiga bulan (minimum) atau diputuskan sambungan untuk tempoh storan tidak aktif jangka panjang yang melebihi enam bulan. Bateri hendaklah ditanggalkan apabila keadaan sekitar Unit adalah <-20°C dan >60°C).

---

#### KETERANGAN

Prosedur ini digunakan untuk mengecas semula Bateri pada Unit dengan Bekalan Kuasa DC Luaran.

---



1. Sambungkan Bekalan Kuasa DC Luaran kepada Penyambung MASUK DC pada Unit.
2. Sambung Kabel Kuasa AC ke Penyambun AC PWR pada Bekalan Kuasa DC Luar dan sumber kuasa AC yang sesuai.
3. Sahkan bahawa Petunjuk pada Bekalan Kuasa AT Luaran berwarna HIJAU.
4. Berikan empat jam (Tipikal) untuk pengecasan Bateri atau sehingga Petunjuk BAT berwarna HIJAU.

Jika Penunjuk BAT berwarna AMBAR dan/atau Bateri gagal menerima cas dan Unit tidak beroperasi menggunakan kuasa Bateri, bateri perlu diganti.

### 3-3-2. PENGGANTIAN BATERI

---

#### KETERANGAN

Prosedur ini digunakan untuk menggantikan Bateri pada Unit.

---

#### **BERWASPADA**

GANTKAN DENGAN BATERI YANG DITENTUKAN SAHAJA. JANGAN CUBA UNTUK MEMASANG BATERI TIDAK BOLEH CAS SEMULA.

#### AMARAN


- LUPUSKAN PEK BATERI LITHIUM ION MENURUT PROSEDUR KESELAMATAN STANDARD TEMPATAN. JANGAN MENGHANCURKAN, MEMBAKAR ATAU MELUPUSKAN PEK BATERI LITHIUM ION DALAM SISA BIASA.
- JANGAN MEMBUAT LITAR PINTAS ATAU MEMAKSA NYAHCAS PEK BATERI LITHIUM ION KERANA TINDAKAN INI BOLEH MENYEBABKAN PEK LITHIUM ION BERLUBANG, TERLALU PANAS ATAU MELETUP.

#### TANGGAL

1. Sahkan bahawa Unit adalah MATI dan tidak disambungkan kepada kuasa AC.
2. Buka selak Penutup Bateri untuk mendedahkan Bateri.
3. Putuskan sambungan Abah-abah Wayar Bateri (menyambungkan Bateri kepada Unit) dan tanggalkan Bateri.

#### PASANG

1. Pasang Bateri pada Unit dan sambungkan Abah-abah Wayar Bateri.
2. Selak semula Penutup Bateri pada Unit.



### 3-3-3. PENGGANTIAN FIUS

---

#### KETERANGAN

Prosedur ini digunakan untuk menggantikan fuis dalam pada Unit.

---

#### BERWASPADA


UNTUK PERLINDUNGAN BERTERUSAN DARIPADA KEBAKARAN, GANTIKAN FIUS YANG MENEPATI PENGADARAN VOLTAN DAN ARUS YANG DITENTUKAN SAHAJA. (5 A, 32 VDC, JENIS F - FIUS BILAH KECIL)

#### TANGGAL

1. Sahkan bahawa Unit adalah MATI dan tidak disambungkan kepada kuasa AC.
2. Buka selak Penutup Bateri untuk mendedahkan Fius.
3. Cari dan tanggalkan Fius.

#### PASANG

1. Pasang Fius.
2. Selak semula Penutup Bateri pada Unit.



### 3-3-4. PENGGANTIAN FIUS DMM

---

#### KETERANGAN

Prosedur ini digunakan untuk menggantikan fius DMM pada Unit.

---

#### BERWASPADA


UNTUK PERLINDUNGAN BERTERUSAN DARIPADA KEBAKARAN, GANTIKAN FIUS YANG MENEPATI PENGADARAN VOLTAN DAN ARUS YANG DITENTUKAN SAHAJA. (3 A, 250 V, TYPE F FUSE)

#### TANGGAL

Tanggalkan penutup fius DMM dan fius DMM daripada Unit dan gantikan fius DMM.

#### PASANG

Pasangkan fius DMM dan penutup fius pada Unit.



### 3-3-5. PENGGANTIAN KAKI

---

#### KETERANGAN

Prosedur ini digunakan untuk menggantikan kaki pada Unit.

---


#### TANGGAL

Tanggalkan skru daripada Unit. Keluarkan kaki depan dan kaki lipat daripada Unit.  
Angkat Tab pada Kaki Belakang dan keluarkan Kaki Belakang daripada Unit.

#### PASANG

Pasang kaki lipat dan kaki depan pada Unit. Pasang skru pada Unit dan ketatkan sehingga 6 in/paun.

Pasang Kaki Belakang pada Unit.



### 3-4. PENYEDIAAN UNTUK PENYIMPANAN ATAU PENGHANTARAN

#### A. Pembungkusan

---

Bungkus Unit di dalam bekas penghantaran yang asal. Apabila menggunakan bahan pembungkusan selain daripada yang asal, gunakan garis panduan yang berikut:

- Bungkus Unit di dalam bahan pembungkusan plastik.
- Gunakan bekas penghantaran kadbod dinding kembar.
- Lindungi semua sisi dengan bahan penyerap hentakan bagi mengelakkan pergerakan Unit di dalam bekas.
- Kedap bekas penghantaran menggunakan pita perekat yang diluluskan.
- Tandakan "FRAGILE" (RAPUH) pada bahagian atas, bawah dan semua sisi bekas penghantaran.

#### B. Persekitaran

---

Unit hendaklah disimpan dalam persekitaran bersih dan kering. Dalam persekitaran kelembapan tinggi, lindungi 8800 / 8800S daripada variasi suhu yang boleh menyebabkan pemeluwapan dalaman. Keadaan persekitaran berikut dikenakan kepada penghantaran dan penyimpanan:

Suhu: ..... -30°C hingga +71°C\*  
Kelembapan Relatif: ..... 0% hingga 95%  
Altitud: ..... 0 hingga 4600 m  
Getaran: ..... <2 g  
Kejutatan: ..... <30 g

\* Bateri tidak boleh didedahkan pada suhu <-20°C atau >+60°C.

# LAMPIRAN A – JADUAL PIN-KELUAR PENYAMBUNG

## A-1. PENYAMBUNG I/O



(Panel Depan)

PENYAMBUNG	JENIS	INPUT/OUTPUT
AMP	Palam Banana DMM Betina	INPUT
ANT	N Betina	INPUT/OUTPUT
AUD IN	BNC Betina	INPUT
AUD OUT	BNC Betina	OUTPUT
COM	Palam Banana DMM Betina	INPUT
GEN	N Betina	OUTPUT
HEAD PHONES	2.5 mm BULAT	OUTPUT
IN LINE POWER IN	N Betina	INPUT
IN LINE POWER OUT	N Betina	OUTPUT
MIC	6-Pin bulat Betina	INPUT/OUTPUT
	Rujuk Jadual A-3 untuk penerangan Penyambung MIC.	
SCOPE	BNC Betina	INPUT
T/R	N Betina	INPUT/OUTPUT
USB	USB 2.0	INPUT/OUTPUT
	Rujuk Jadual A-6 untuk penerangan Penyambung USB.	
V / Ω	Palam Banana DMM Betina	INPUT

Jadual A-1. Penyambung I/O (Panel Depan)



## A-1. PENYAMBUNG I/O (samb.)



**8800 / 8800S  
(Panel Belakang)**




**8800SX  
(Panel Belakang)**

PENYAMBUNG	JENIS	INPUT/OUTPUT
DC IN	2.5 mm BULAT	INPUT
ETHERNET	RJ45	INPUT/OUTPUT
	Rujuk Jadual A-5 untuk penerangan Penyambung ETHERNET.	
GROUND	2.5 mm BULAT	INPUT/OUTPUT
REMOTE	44-Pin D-SUB Betina	INPUT/OUTPUT
	Rujuk Jadual A-4 untuk penerangan Penyambung REMOTE.	
USB	USB 2.0	INPUT/OUTPUT
	Rujuk Jadual A-6 untuk penerangan Penyambung USB.	
10 MHz EXT	BNC Betina	INPUT

Jadual A-2. Penyambung I/O (Panel Belakang)


## A-2. JADUAL PIN-KELUAR PENYAMBUNG MIC



PENYAMBUNG PIN	NAMA ISYARAT
A	GND
B	SPEAKER+
C	PTT
D	MIC
E	MICSEL1
F	MICSEL2

Jadual A-3. Jadual Pin-Keluar Penyambung MIC

### A-3. JADUAL PIN-KELUAR PENYAMBUNG REMOTE




PENYAMBUNG PIN	NAMA ISYARAT
1	USB3_VBUS
2	USB3_GND
3	+5V_ACC
4	PPCDEBUG_TXD
5	GND
6	OMAPRCI_RTS
7	GND
8	PPC_ERX_N
9	PPC_ETX_N
10	GND
11	PPCUSR_RTS
12	PPCUSR_RXD
13	REM_GPIO(7)
14	REM_GPIO(6)
15	REM_GPIO(2)
16	USB3_FD_N
17	USB3_FD_P
18	OMAPCON_TXD
19	OMAPCON_RXD
20	GND
21	OMAPRCI_TXD
22	OMAPRCI_CTS

PENYAMBUNG PIN	NAMA ISYARAT
23	GND
24	PPC_ETX_P
25	GND
26	PPCUSR_CTS
27	PPCUSR_TXD
28	REM_GPIO(5)
29	REM_GPIO(1)
30	REM_GPIO(3)
31	USB3_VBUS
32	USB3_GND
33	+5V_ACC
34	PPCDEBUG_RXD
35	GND
36	OMAPRCI_RXD
37	GND
38	PPC_ERX_P
39	GND
40	REM_GPIO(4)
41	REM_GPIO(0)
42	OMAPCON_RTS
43	OMAPCON_CTS
44	BKBOX#

Jadual A-4. Jadual Pin-Keluar Penyambung REMOTE


#### A-4. JADUAL PIN-KELUAR PENYAMBUNG ETHERNET



PENYAMBUNG PIN	NAMA ISYARAT
1	TX+
2	TX-
3	RX+
4	TIDAK DIGUNAKAN
5	TIDAK DIGUNAKAN
6	RX-
7	TIDAK DIGUNAKAN
8	TIDAK DIGUNAKAN

Jadual A-5. Jadual Pin-Keluar Penyambung ETHERNET

## A-5. JADUAL PIN-KELUAR PENYAMBUNG USB



PENYAMBUNG PIN	NAMA ISYARAT
1	VCC
2	D-
3	D+
4	GND

Jadual A-6. Jadual Pin-Keluar Penyambung USB

## LAMPIRAN B - SINGKATAN

<b>A</b>		<b>F</b>	
A	Ampere	F	Betina
AC	Arus Ulang-Alik	FH	Loncat Frekuensi
AF	Frekuensi Audio	Fgen	Penjana Fungsi
AFBW	Lebar Jalur Frekuensi Audio	FM	Modulasi Frekuensi
AM	Modulasi Amplitud	FPGA	Tatasusun Get Boleh Aturcara Medan
ANT	Antena	FREQ	Frekuensi
Assy	Pemasangan		
ATTN	Pemerosotan	<b>G</b>	
Aud	Audio	Gen	Menjana / Penjana
		GHz	Gigahertz ( $10^9$ Hertz)
<b>B</b>		<b>H</b>	
Bat	Bateri	H	Jam
Batt	Bateri	HI	Tinggi
BER	Kadar Ralat Bit	HP	Laluan Tinggi
BNC	Bayonet Neill-Concelman	Hr	Jam
BP	Lintasan Jalur	HW	Perkakasan
BW	Lebar Jalur	Hz	Hertz
<b>C</b>		<b>I</b>	
C	Celsius atau Darjah Celsius	ID	Pengenalpastian
CAL	Tentukan/Penentuan	i.e.,	Itu adalah ...
CD	Cakera Padat (CD-ROM)	IF	Frekuensi Perantaraan
CFM	Perisian Tegar Coldfire	IN	Input atau Inci
CH	Saluran	In/lbs.	Inci/Paun
Config	Mengkonfigurasi /Konfigurasi	I/O	Input/Output
CPLD	Alat Logik Pemprosesan Kompleks		
CW	Gelombang Berterusan	<b>K</b>	
<b>D</b>		kHz	Kilohertz ( $10^3$ Hertz)
D	Hari	<b>L</b>	
dB	Desibel	LCD	Paparan Hablur Cecair
dBc	Desibel di bawah Pembawa	LO	Rendah
dBm	Desibel di atas satu Miliwatt	LP	Laluan Rendah
DC	Arus Terus	Lvl	Peringkat
DCS	Squelch yang Dikodkan Secara Digital	<b>M</b>	
Demod	Demodulasi	M, m	Bulan, Meter, Minit atau Jantan
DEV	Sisihan	MFIO	Berbilang Fungsi I/O
DIST	Gangguan	MHz	Megahertz ( $10^6$ Hertz)
DTF	Jarak Kerosakan	MIC	Mikrofon
DVM	Meter Volt Digital	MIN, min	Minimum atau Minit
<b>E</b>		mm	Milimeter ( $10^{-3}$ Meter)
e.g.	Contohnya ...	MOD	Modulasi
EMC	Keserasian Elektromagnet	<b>N</b>	
EMI	Gangguan Elektromagnet	N/A	Tidak Berkenaan
Err	Ralat	NORM	Normal atau Menormalkan
ESC	Keluar	<b>O</b>	
Est	Anggaran	OUT	Output
		Ovr	Beban Lebih

**P**

para	Perenggan
PC	Litar Tercetak
PCB	Printed Circuit Board
PPC	PowerPC
ppm	Parts per Million
PTT	Tekan untuk Bercakap
Pwr	Kuasa

**R**

REC	Terima
RF	Frekuensi Radio
RSSI	Petunjuk Kekuatan Isyarat
	Penerimaan
RX	Terima

**S**

SWR	Nisbah Gelombang Pegun
SYS	Sistem

**T**

TDM	Pemultipleksan Pembahagian Masa
Tem	Suhu
Temp	Suhu
TNC	Neill-Concelman Berulir
T/R	Pancar/Terima
TX	Pancar

**U**

UHF	Frekuensi Ultra Tinggi
UI	Antara Muka Pengguna
USB	Bas Bersiri Semesta
UUT	Unit Menjalani Ujian

**V**

V	Volt
VAC	Volt, Arus Ulang-Alik
Vdc	Volt, Arus Terus
VHF	Frekuensi Sangat Tinggi
Vol	Volum
Vp	Puncak Voltan
Vrms	Punca Min Kuasa Dua Voltan
VSWR	Nisbah Gelombang Pegun Voltan

**W**

W	Watt
---	------

**Y**

Y	Tahun
---	-------



139274 Rev. F0



December 2019

**VIAVI Solutions**

<b>North America:</b>	<b>1.844.GO VIAVI / 1.844.468.4284</b>
<b>Latin America</b>	<b>+52 55 5543 6644</b>
<b>EMEA</b>	<b>+49 7121 862273</b>
<b>APAC</b>	<b>+1 512 201 6534</b>
<b>All Other Regions:</b>	<b><a href="http://viavisolutions.com/contacts">viavisolutions.com/contacts</a></b>